

17 SEP 1996

Abdullah - PBB

M'SIA YAKIN RAZALI MAMPU BAWA PERUBAHAN KEPADA PBB

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Malaysia yakin Tan Sri Razali Ismail akan menjadi Presiden Perhimpunan Agung Perytubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang berkesan dan mampu membawa perubahan yang begitu diperlukan untuk masa depan badan dunia itu, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Katanya perlantikan Razali, yang sebelum ini menjadi Wakil Tetap Malaysia ke PBB, berlaku ketika seluruh dunia mengharapakan satu perubahan yang menyeluruh dapat dibuat terhadap PBB.

"Sudah tentu Razali yang mempunyai keistimewaan tertentu boleh memainkan peranan sebagai presiden Perhimpunan Agung yang berkesan," katanya kepada pemberita selepas ditemubual pada rancangan Malaysia Hari Ini terbitan TV3, di sini.

Abdullah berkata Razali juga akan mempengerusikan lima jawatankuasa penting yang ditubuhkan ke arah meningkatkan prestasi PBB.

Jawatankuasa-jawatankuasa itu ialah berkenaan sistem PBB, penyusunan semula PBB, belanjawan, agenda keamanan dan misi pengaman serta agenda pembangunan.

Abdullah, yang menyifatkan perlantikan Razali sebagai penghormatan masyarakat antarabangsa kepada Malaysia, berkata ia juga membuktikan bahawa Malaysia melaksanakan diplomasi yang berkesan.

Razali akan dilantik untuk menerajui Sesi Ke-51 Perhimpunan Agung mulai hari ini di New York.

Abdullah akan berlepas ke New York malam ini untuk menghadiri sesi baru itu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan berucap di PBB pada 27 Sept ini.

Abdullah juga akan menghadiri beberapa mesyuarat termasuk Mesyuarat Pelbagai Hala Peringkat Jawatankuasa Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mengenai Palestin dan Mesyuarat Peringkat Menteri Kumpulan Penghubung OIC mengenai Bosnia Herzegovina -- BERNAMA

MAM WAT